

Lelaki berparang ditahan

Samun kedai serbaneka, cuba serang polis ketika diminta serah diri

BANTING - Polis menahan seorang lelaki disyaki terlibat dalam kes samun sebuah kedai serbaneka di sini, awal pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Azizlan Tukiman berkata, polis dimaklumkan oleh orang awam menerusi panggilan telefon terdapat kes samun melibatkan suspek lelaki berumur 21 tahun jam 3.05 pagi.

Menurutnya, sebaik polis tiba, di-

dapati seorang lelaki bersenjatakan parang berada di lokasi kejadian.

"Polis mengarahkan suspek menyerah diri tetapi dia bertindak menyerang anggota polis menggunakan parang sepanjang satu kaki 11 inci.

"Untuk mempertahankan keselamatan diri dan mangsa berusia 23 tahun yang merupakan kakitangan di premis tersebut, anggota polis melepaskan tembakan ke kaki suspek

"Suspek akhirnya berjaya ditangkap, turut dirampas sebilah parang yang digunakannya," katanya, semalam.

Azizan berkata, suspek dibawa ke pusat kesihatan Banting untuk mendapatkan rawatan.

"Semakan rekod jenayah mendapati suspek mempunyai tiga rekod kesalahan jenayah lampau iaitu kes ugutan jenayah di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan, kes penyalahgunaan da-

dah dan kes di bawah Seksyen 43 Akta Pertubuhan 1966.

"Kes diasiasat di bawah Seksyen 392/397 Kanun Keseksaan iaitu samun bersenjata.

"Suspek yang merupakan anak tempatan ditahan reman untuk siasatan lanjut bagi mengenal pasti sama ada terlibat dengan berlainan kes jenayah khususnya kes samun di kedai serbaneka lain," katanya.



AZIZAN

YIDE prihatin nasib mangsa banjir



Md Ariffin menyampalkan sumbangan kepada mangsa banjir kilat di Dewan Taman Gemilang, Dengkil.

DENGKIL - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) menyumbangkan sebanyak 50 pek beg kelengkapan diri kepada mangsa banjir di Dewan Taman Gemilang, di sini.

Pengurus Operasi, Bahagian Sumbangan Dan Promosi YIDE, Md Ariffin Jaafar berkata, pihaknya turut mendapat kerjasama sukarelawan YIDE, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sepang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Relau yang turut sama turun padang membantu YIDE mengagihkan barang sumbangan kepada mangsa.

Menurutnya, YIDE adalah sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan menjalankan aktiviti kebajikan dalam negeri ini meliputi pemberian sumbangan dan barangan kepada golongan sasaran dalam bentuk tunai serta keperluan harian seperti makanan, minuman, pakaian, kelengkapan keperluan diri dan lain-lain.

"Kawasan yang terkesan akibat cuaca hujan yang berterusan baru-baru ini terdiri daripada sekitar Kampung Ampar Tenang, Kampung Seri Tanjung dan Kampung Lalang.

"Lebih 117 mangsa sekitar Dengkil yang terjejas berikutan banjir kilat ini melibatkan 27 keluarga berbilang kaum yang di tempatkan di Dewan Seri Gemilang," katanya kepada.

Difahamkan, sumbangan ini adalah atas dasar keprihatinan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj yang juga penanggu YIDE yang sentiasa prihatin masalah

dihadapi rakyatnya.

Md Ariffin berkata, bantuan itu adalah inisiatif YIDE dalam menyumbang tenaga memberi bantuan khususnya kepada rakyat negeri ini, sekali gus meringankan beban setiap mangsa yang terjejas akibat bencana banjir tersebut.

"YIDE turut menyumbangkan 110 beg kelengkapan diri kepada mangsa banjir di Dewan Sri Bernam, Dewan Parit Baru dan Dewan Sri Nakhokda di Sabak Bernam pada 27 Januari lalu," katanya.

Tambahnya, program ini adalah tanggungjawab sosial korporat YIDE kepada masyarakat setempat khususnya masyarakat di negeri ini. YIDE turut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Tetap Kebajikan Selangor di bawah kelolaan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor, Dr Daroyah Alwi.

Ujarnya, selain memberi bantuan bencana kepada rakyat, YIDE juga berperanan menguruskan hal ehwal anak yatim di negeri ini dengan melaksanakan program agihan sumbangan kewangan, bantuan pendidikan dan mewujudkan program celik al-Quran kepada mereka.

"YIDE akan terus menyampaikan sumbangan kebajikan kepada rakyat negeri Selangor dalam menjadikan Selangor sebuah negeri yang berkeadilan," katanya.

Tong sampah berseni penuh Pantai Cunang

BANTING - Menyedari kepentingan memelihara alam sekitar, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) giat mengadakan program Cintai Alam Sekitar, Seni dan Budaya di Tanjung Sepat bertempat di Pantai Cunang.

Mengetengahkan seni dan budaya dalam usaha mendidik masyarakat terhadap kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar, program itu mendapat sentuhan seni sekumpulan artis dari luar dan antarabangsa untuk menghasilkan beberapa rekaan hiasan bertemakan alam sekitar serta keistimewaan Tanjung Sepat sebagai tarikan baharu pelancongan di daerah ini.

Yang Dipertuannya, Mohamad Zain A Hamid berkata, Tanjung Sepat terkenal dengan hasil laut serta produk keulatan tempatan seperti pembuatan makanan dan budaya masyarakat setempat.

Menurutnya, pengunjung yang datang ke Tanjung Sepat juga berpeluang untuk mengenali keunikan budaya masyarakat Orang Asli dari suku Mahmeri yang menetap di Kampung Cunang, Tanjung Sepat.

"PBT (pihak berkuasa tempatan) sentiasa melakukan usaha progresif untuk meningkatkan lagi tahap kesedaran masyarakat dalam usaha ke arah penjagaan alam

sekitar secara menyeluruh dengan memberi pendedahan berkenaan gabungan elemen seni, budaya dan pemeliharaan alam sekitar sebagai sebuah inisiatif yang berkualiti untuk menarik minat masyarakat.

"Selain itu, ia menjurus kepada pemerkasaan nilai serta aset pelancongan tempatan yang berpotensi seiring dengan penjagaan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata, program ini juga diharapkan dapat memperkukuhkan lagi perkongsian pintar di antara semua pihak yang berkepentingan.

"Ia melibatkan gabungan pelaksanaan pelbagai aspek yang berteraskan kepada penjagaan alam sekitar, pelancongan, sosio-budaya dan seni kreatif.

"Pengisian aktiviti dalam program ini termasuk pelaksanaan projek 'Trash Bin Art', di mana ia merupakan sebuah tugasan yang menggabungkan alam sekitar dan seni yang bermatlamat untuk mewujudkan suasana persekitaran yang unik, menarik serta mampu menimbulkan kesedaran kepada masyarakat tentang penjagaan persekitaran.

"Tong-tong sampah 'Trash Bin Art' ini akan ditempatkan di seluruh hotspot di Pekan Tanjung Sepat termasuk Pantai Cunang," katanya.



Tong sampah 'Trash Bin Art' ini akan ditempatkan di seluruh hotspot di Pekan Tanjung Sepat termasuk Pantai Cunang.